



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِوَسِيْلَةِ سُنَّتِي اِسْلَامِيَّةٍ اَنْبَارًا تَجْنِبُنَا مَلِدِيْنَتَا

**SATU KAJIAN MENGENAI *TALĀQ* DALAM
ISLAM DENGAN MERUJUK KEPADA
PERUNTUKAN ENAKMEN KELUARGA ISLAM
NEGERI KELANTAN**

**OLEH
ABIDAH SAMIHAN BT MD. NOR**

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
MEMPEROLEHI DIPLOMA UNDANG-UNDANG
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM**

**KULLIYYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
MALAYSIA**

FEBUARI 2000

ABSTRAK

Kertas kerja ini membicarakan tentang “Satu Kajian Mengenai *Talāq* dalam Islam dengan merujuk kepada Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan”. Ia membincangkan tentang *talāq* menurut shari’at Islam, dalil-dalil penshari’atannya serta hikmat-hikmat perceraian, juga membicarakan tentang hukum-hukum, rukun-rukun dan percanggahan para ulama’ padanya.

Seterusnya penulis membincangkan peruntukan *talāq* di dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan dengan menyatakan cara-cara dan langkah-langkah yang patut diambil dalam membuat sesuatu tuntutan perceraian di Mahkamah Syariah.


Kajian ini juga membicarakan tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat pada Enakmen dan juga pentadbiran Mahkamah Syariah sendiri di mana bidangkuasa yang diberikan kepadanya terlalu sempit dan seterusnya membawa kepada kes-kes tertangguh.

Seterusnya penulis memberikan cadangan-cadangan serta saranan-saranan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut juga kesimpulan dari kajian yang dibuat.

PENGAKUAN

SAYA AKUI KARYA INI ADALAH HASIL KERJA SAYA SENDIRI
KECUALI NUKILAN-NUKILAN DAN RINGKASAN-RINGKASAN YANG
TIAP-TIAP SATUNYA TELAH SAYA JELASKAN SUMBERNYA

2 FEBUARI 2000



(ABIDAH SAMIHAN BT MD. NOR)

© Hakcipta terpelihara oleh Abidah Samihan bt. Md. Nor dan

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Kertas projek ini didedikasikan khas kepada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ianya adalah bertujuan bagi mengembangkan lagi ilmu Syariah yang bertepatan dengan penggunaannya di Mahkamah-mahkamah Syariah di seluruh negara kita.

Penghormatan ini turut ditujukan kepada pendokong-pendokong undang-undang syariah yang sekian lama bertungkus lumus bagi memartabatkan perundangan Islam.

Penghormatan ini juga ditujukan khas buat keluarga tercinta yang banyak memberikan sokongan dan galakkan kepada penulis di sepanjang berada di UIA. Terima kasih tidak terhingga juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan kertas projek ini.

PENGHARGAAN

Al-hamdulillah syukur kehadiran Allah subhanahu wa Taala kerana kertas projek ini telah selamat disiapkan. Disini penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia kertas projek iaitu Dr. Normi bt. Abdul Malek kerana banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan kepada penulis dalam menyiapkan kertas projek ini.

Penulis juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Mahkamah Syariah negeri Kelantan terutamanya Ustaz Mohammad Rawi dan Dato' Tuan Haji Daud Ketua Hakim Syarie kerana telah memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada penulis.

Kepada ummi, abah dan adik-adik Mimi, Amir dan Farah dengan berkat doa, sokongan dan galakkan dari kalian akan ku kenang. Terima kasih juga kepada Cik Nah sekelurga kerana banyak membantu penulis selama berada di Kuala Lumpur. Seterusnya penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan seperjuangan Rashidah yang banyak menghulurkan bantuan. Tanpa bantuan beliau kertas projek ini tidak akan dapat disiapkan dengan jayanya.

Begitu juga penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti terutamanya pihak kuliayah Undang-undang dan semua pihak yang telah

terbabit dalam usaha menyiapkan kertas projek ini baik secara langsung atau dengan secara tidak langsung .

2 Febuari 2000

Abidah Samihan bt. Md. Nor

C-197 Jalan Machang,

17500 Tanah Merah,

Kelantan.

ISI KANDUNGAN

Abstrak	ii
Pengakuan	iii
Penghargaan	v
Isi kandungan	vii
Senarai kes	x
Senarai statut	xi
Senarai transliterasi	xii
Singkat kata	xiii
Pendahuluan	xiv
Latarbelakang dan Metod Kajian	xvii
Objektif Kajian	xviii

BAB PERTAMA

Talāq Menurut Islam

1.1. Definisi <i>Talāq</i>	1
1.2. Dalil-dalil Yang Mengharuskan <i>Talāq</i>	2
1.3. Hikmat Perceraian	4
1.4. Hukum Perceraian	8
1.5. Rukun <i>Talāq</i>	11

BAB KEDUA

Bahagian-bahagian *Talāq* dan Kaedah *Fiqh* bagi Mensabitkannya

2.1. Bahagian-bahagian <i>Talāq</i>	17
2.2. Jenis-jenis <i>Talāq</i>	22
2.3. Bilangan <i>Talāq</i> dan Kesannya Terhadap Rujukan	24
2.4. Percanggahan Ulamak Mengenai Bilangan <i>Talāq</i>	26
2.5. <i>Talāq</i> dengan Isyarat Jari	28
2.6. <i>Talāq</i> melalui Tulisan	29
2.7. Masalah Pengulangan Lafaz <i>Talāq</i>	30
2.8. Pensabitan Lafaz <i>Talāq</i> : Kaedah-kaedah <i>Fiqh</i>	34
2.9. Sebab-sebab berlaku perceraian	40

BAB KETIGA

Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan

3.1 Pengenalan	47
3.2. Bidangkuasa Mahkamah Syariah	48
3.3. Perceraian dengan <i>Talāq</i>	51
3.4. Jawatankuasa Pendamai	53
3.5. Berlakunya <i>Shiqāq</i>	54

BAB EMPAT

Masalah-masalah yang dihadapi, Cadangan serta Kesimpulan

4.1. Masalah-masalah yang dihadapi	60
4.2. Cadangan serta Saranan bagi Mengatasi Masalah yang Timbul	64
4.3. Kesimpulan	69
Bibliografi	71

SENARAI STATUT

1. Enakmen Pentadbiran Negeri Kelantan no.3/1982.
2. Enakmen Pentadbiran Negeri Kelantan (Pindaan) 1998.
3. Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan no. 1/1983.

SENARAI TRANSLITERASI

KONSONAN

ء	'	ال	al - l
الف	a		
ب	b		
ت	t		
ث	th		
ج	j		
ح	h		
خ	kh		
د	d		
ذ	dh		
ر	r		
ز	z		
س	s		
ش	sh		
ص	ṣ		
ض	ḍ		
ط	ṭ		
ظ	ẓ		
ع	'		
غ	gh		
ف	f		
ق	q		
ك	k		
ل	l		
م	m		
ن	n		
و	w		
ه	h	هـ -a (-al in construct state)	
ي	y		

VOWEL

Panjang

آ = ā

أ = ū

إ = ī

Pendek

ا = a

ي = i

و = u

Tanwin

ى = iyy

و = uww

Diftong

أ = aw , إ = ay

SINGKAT KATA

Bil.	:	Bilangan
C	:	Cerai
Cet.	:	Cetakan
DBP	:	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr.	:	Doktor
J.	:	Jenayah
Jil.	:	Jilid
K.L	:	Kuala Lumpur
m.s	:	Muka surat
No.	:	Nombor
S.A.W	:	Sallallahu Alaihi wa Sallam
S.W.T	:	Subhanahu wa Taala
Sek.	:	Seksyen
Sdn.Bhd	:	Sendirian Berhad
Vol.	:	Volume

PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَافِ

الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أجمعين.

Talāq adalah salah satu cara perceraian. Disamping itu juga dibenarkan dengan cara *fasakh*, *talāq*, *illā'*, *li'ān* dan *khulū'*. *Talāq* merupakan hak mutlak bagi suami. Ini bermakna Shariat telah memberikan kuasa sepenuhnya kepada suami untuk menceraikan isterinya. Walaubagaimanapun dalam kes-kes tertentu seperti jika suami yang tidak memberi nafkah atau mendera isteri dibolehkan isteri menuntut *talāq* atau *fasakh* demi untuk menjaga hak-hak seseorang isteri.

Dalam hal sebegini, mahkamah akan memerintahkan suami menceraikan isterinya setelah disabitkan.

Talāq akan jatuh apabila dilafazkan kepada isteri samada secara *ṣarih* atau *kināyah*. Jika *ṣarih* (jelas), *talāq* jatuh dengan serta merta, manakala jika *kināyah* siasatan akan diadakah bagi memastikan dia berniat menceraikan isterinya atau tidak.

Walaupun para ulama' telah bercanggah pendapat dalam mengatakan adakah *talāq* tiga dalam satu lafaz dikira *talāq* tiga atau satu. Ini bergantung kepada hakim untuk mensabitkannya.

Penulis telah membahagikan kertas projek ini kepada empat bab :

Dalam bab pertama, penulis menerangkan tentang makna *talāq* dari segi bahasa dan istilah sharak, juga menyatakan dalil-dalil dari nas-nas al-Quran dan Hadis-hadis rasul yang membolehkan *talāq*. Di sini juga penulis menerangkan tentang hukum, hikmat-hikmat perceraian. Seterusnya membincangkan tentang rukun-rukun *talāq* dan pendapat ulama' mengenainya.

Dalam bab kedua, penulis membincangkan mengenai bahagian-bahagian *talāq* yang terbahagi kepada dua iaitu dari segi lafaz adakah ia *ṣarih* atau *kinayah* dan perbincangan ulama' mengenainya. Bahagian kedua pula mengenai jenis-jenis *talāq* yang dibahagikan kepada dua iaitu *talāq sunnī* dan *bid'ī*.

Seterusnya penulis membincangkan tentang bilangan *talāq* dan kesan-kesannya pada *ruju'*. Percanggahan ulama' dalam menentukan bilangan *talāq*, masalah pengulangan lafaz *talāq* dan *talāq* dengan isyarat jari turut disentuh. Penulis membincangkan tentang bagaimana pensabitan *talāq* dilakukan dengan berpandukan kaedah *fiqhiyyah*. Di akhir bab penulis menyatakan sebab-sebab berlakunya perceraian.

Dalam bab ketiga, penulis membicarakan tentang prosedur perceraian menurut Enakmen Keluarga Islam Kelantan no.1/83. Bidangkuasa Mahkamah Syariah juga turut disentuh.

Bab keempat, membicarakan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak Mahkamah juga masalah-masalah sampingan seperti jika salah seorang dari pasangan murtad yang seterusnya membawa kepada masalah *ḥaḍanah*.

Seterusnya dinyatakan cadangan-cadangan bagi mengatasi masalah tersebut dan kesimpulan.

LATARBELAKANG DAN METOD KAJIAN

Kajian ini adalah hasil dari kaji selidik penulis berkaitan dengan masalah yang melanda masyarakat kita sekarang ini. Sebagaimana kita maklum bahawa gejala perceraian semakin berleluasa akhir-akhir ini. Walaupun kita tahu perceraian telah dibenarkan didalam Islam tetapi ia tetap akan mendatangkan kesan buruk kepada masyarakat. Jika kita lihat kepada masalah-masalah sosial yang lain, ia sedikit sebanyak berpunca dari latar belakang keluarga yang telah porak peranda.

Penulis telah mengkaji *Talāq* dengan berpandukan buku-buku *fiqh* serta permasalahan *fiqhiyah* yang mana menyumbang kepada sebahagian besar kajian ini. Penulis mendapati di kalangan ahli *fiqh* sendiri terdapat banyak percanggahan mengenai *talāq*. Mereka bercanggah pendapat dalam masalah lafaz, adakah ia *ṣarih* atau *kināyah*, begitu juga dengan masalah lafaz *talāq* yang berulang-ulang.

Seterusnya kajian dibuat di Mahkamah Syariah Kelantan, di mana temuramah telah dibuat dengan Ketua Hakim Syarie. Dari temubual yang diadakan penulis mendapati banyak kes terpaksa ditangguh kerana kes terlalu banyak dan tidak mendapat kerjasama daripada pihak-pihak yang terlibat. Ada pihak yang enggan hadir setelah dipanggil beberapa kali.

Kajian penulis banyak dibuat di Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaya dan Perpustakaan Jabatan Agama Islam (JAKIM). Manakala kajian kes-kes dibuat di Mahkamah Syariah Kota Bharu.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah seperti berikut :

1. Agar kajian ini dapat menyumbang sedikit sebanyak dari segi ilmiah kepada pelajar-pelajar dan penuntut ilmu. Seterusnya dapat membuka minda para pencinta ilmu agar sentiasa mengembangkan ilmu terutamanya dalam perkara yang melibatkan orang-orang Islam.
2. Kajian yang dilakukan ini adalah untuk menangani masalah yang sering dihadapi oleh mana-mana Mahkamah Syariah, agar diadakan satu tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi segala masalah yang ada sekarang.
3. Kajian ini juga bertujuan untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan dan pengalaman penulis sebagai seorang pelajar. Selain itu juga penulis turut terdedah kepada masalah-masalah yang sering dihadapi oleh masyarakat Islam kini, yang mana masalah tersebut sedikit sebanyak telah membawa kepada perlunya diadakan langkah-langkah bagi mengatasinya.

BAB PERTAMA

TALĀQ MENURUT ISLAM

1.1. Definasi Talāq:

Pengertian *talāq* terbahagi kepada dua iaitu dari segi bahasa dan *shara'*.

Dari segi bahasa ia bermaksud melepaskan ikatan atau memutuskan.¹ Manakala dari segi *shara'* bermaksud memutuskan ikatan akad nikah² dengan lafaz '*talāq*' dan sepertinya, manakala dalam *Mughnī Al-Muhtāj* menyatakan *talāq* adalah memutuskan ikatan hubungan suami isteri dengan sebab tertentu.³

Berdasarkan kepada takrif di atas *talāq* bererti melepaskan ikatan secara mutlak iaitu melepaskan ikatan 'akad nikah antara pihak-pihak dalam

¹ Ibn Manzūr, *Lisān al-Arabī*, Dār al-Ma'rif, juz 3 m.s 2693, Ibrāhīm Anis, 'Aṭīyyah al-Hayy, Abdul Halim Munqar, Muhammad Khalfullah, *al-Mu'jam al-Wasīlī*, Dār Ihya' al-turath al-Islamī, juz 2 m.s 563. Lihat juga al-Khaṭīb al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj*, Dār al-Fīkr, juz 3 m.s 279, Wahbah al-Zuhaylī, *Fīqh al-Islamī*, Dār al-Fīkr, Damsyik, Syria, juz 4 m.s 252.

² Muṣṭafā al-Khin, Ali al-Sharbījī, Muṣṭafā al-Bughah, *al-Fīqh al-Minhajī*, Maṭb'ah al-Sobul, Damsyik, cet. 1, juz 4 m.s 110

³ Al-Khaṭīb Al-Sharbīnī, *Mughnī Al-Muhtāj*, m.s 279.

perkahwinan yang mana mereka diikat oleh kesan-kesan dan hukum yang lahir dari akad nikah tersebut seperti wajib memberi nafkah kepada isteri dan kewajipan isteri mentaati suaminya.

Dari pengertian tersebut jelaslah bahawa *ṭalāq* merupakan satu cara untuk membubarkan sesuatu perkahwinan yang pada asalnya adalah merupakan kuasa mutlak bagi suami.

1.2. Dalil-dalil yang mengharuskan 'Ṭalāq'.

Firman Allah Subhanahuwataala:

الطلاق مرتان فإمساك بمعروف أو تسريح بإحسان⁴

Maksudnya: *Ṭalāq* yang dapat diruju' sebanyak dua kali setelah itu dapat diruju' kembali dengan cara yang ma'ruf atau dilepaskan dengan cara yang baik.

Firmannya lagi:

يا أيها النبي إذا طلقتم النساء فطلقوهن لعدتهن⁵

Maksudnya: Wahai nabi apabila kamu menceraikan isterimu hendaklah kamu menceraikan mereka pada waktu mereka dapat menghadapi iddah yang wajar.

⁴ Al-Qurān, al-Baqarah(2) 229

⁵ Al-Qurān, al-Ṭalāq(65) 1

Sabda Rasulullah s.a.w:

أبغض الحلال الي الله الطلاق⁶

Maksudnya: Perkara halal yang paling dibenci oleh Allah adalah *talāq*.

ما أحل الله شيئاً أبغض إليه من الطلاق⁷

Maksudnya: Sesuatu yang yang dihalalkan oleh Allah dan paling dibenciNya ialah *talāq*.

Begitu juga *Ijma'* ulama' mengatakan tentang harusnya *talāq* tetapi ianya sesuatu yang dibenci oleh Allah s.w.t. kerana ianya menjejaskan hubungan keluarga diantara kedua-dua belah pihak.⁸

⁶ Abū Dāwūd, *Sunan Abū Dāwūd*, (bāb al-*Talāq*), Maṭb'ah Muṣṭafa Muḥammad, juz 2 m.s 650.

⁷ Ibid, m.s 225.

⁸ Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, Dār al-Kitāb al-A'rabi, Beirut, 1983, juz 8 m.s 233.

1.3. Hikmat Perceraian

Islam merupakan agama yang sempurna lagi menyempurnakan dan sentiasa memelihara kemaslahatan umatnya. Setiap perkara yang disuruh dan dilarang terdapat hikmat disebaliknya.

Allah telah menjadikan manusia hidup di dunia secara berpasang-pasangan. Suami isteri hendaklah hidup dalam keadaan tenteram dan penuh keharmonian, ini jelas dinyatakan dalam firman Allah:

و من آياته أن خلق لكم من أنفسكم أزواجا لتسكنوا إليها وجعل بينكم

مودة ورحمة أن في ذلك لآيات لقوم يتفكرون⁹

Maksudnya: Dan diantara tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah ialah Dia telah mencipta bagi kamu isteri-isteri dari jenis kamu supaya kamu dapat hidup dengan tenteram bersama mereka dan menjadikan kasih sayang antara kamu, itulah dia tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.

⁹ Al-Qurān, al-Rūm (30) 21.

Seharusnya ikatan perkahwinan hendaklah dibina atas dasar kasih sayang yang berpanjangan. Perkahwinan juga merupakan nikmat yang dijadikan oleh Allah, sepatutnya kita bersyukur dan memelihara ikatan ini sebaiknya.

Walaupun bagaimanapun sesebuah rumahtangga mungkin akan menghadapi masalah seperti perbalahan antara suami isteri. Ini mungkin disebabkan tidak ada penyesuaian antara keduanya atau sebab kecurangan salah seorang daripada mereka, dengan sebab itu Islam telah mengharuskan perceraian.

Firman Allah s.w.t:

فإن كرهتموهن فعسى أن تكرهوا شيئا ويجعل الله فيه خيرا كثيرا¹⁰

Maksud: Kalau kamu benci kepada mereka, hendaklah kamu bersabar kerana boleh jadi kamu benci sesuatu, sedang Allah menjadikan kebaikan yang banyak di dalamnya.

Di sini jelas menunjukkan bahawa Islam tidak membuka jalan yang luas kepada perceraian. Islam telah menganjurkan beberapa langkah untuk mengelakkan dari berlakunya perceraian.

¹⁰ Al-Quraān, al-Nisā' (4) 19.

Contohnya jika isteri *nushūz*:

والاتي تخافون نشوزهنّ فعظوهنّ واهجرهنّ في المضاجع

واضربوهنّ، فإنّ أطعنكم فلا تبغوا عليهنّ سبيلا¹¹.

Maksud: Wanita-wanita yang kamu khatiri *nushūz*nya maka nasihatilah mereka dan pisahkan diri dari tempat tidur mereka dan pukullah mereka kemudian jika mereka mentaati kamu maka janganlah kamu mencari jalan menyusahkannya.

Berdasarkan ayat ini dapat disimpulkan bahawa untuk sampai pada tahap seseorang boleh diceraikan hendaklah melalui beberapa peringkat:

1. Memberi nasihat.
2. Berpisah tempat tidur.
3. Memukulnya dengan tujuan memperingatinya atau membetulkannya bukan untuk menyakiti.
4. Melantik *ḥakam* berdasarkan firman Allah:

¹¹ Al- Qurān, al-Nisā' (4) 34.